



Rujukan: JKR.KPKR: 121.010/05 Jld.6 (12)

Tarikh: 7 Disember 2016

Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah / Pengurus Pembinaan

Pengarah JKR Unit Khas

Pengarah JKR KESEDAR

Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 24 /2016


PEMBUNDARAN HARGA JUALAN DOKUMEN TENDER DAN SEBUT HARGA

1.0 TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk menyeragamkan kaedah pembundaran harga jualan dokumen tender dan sebut harga.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Adalah menjadi amalan di JKR Negeri dan Ibu Pejabat untuk membundarkan harga jualan dokumen tender dan sebut harga kepada puluh atau ratus yang terhampir kerana ianya lebih praktikal dalam pengurusan pembayaran.



Rujukan: JKR.KPKR: 121.010/05 Jld.6 (12)

Tarikh: 7 Disember 2016

- 2.2 Pada tahun 2016, audit naziran telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya di pejabat-pejabat JKR Negeri. Hasil daripada naziran tersebut, amalan ini menerima teguran di mana penetapan harga penjualan tidak merujuk atau mengikut kaedah pengiraan yang diperuntukkan dalam 1PP tanpa memperolehi kelulusan pihak Berkuasa.
- 2.3 Pejabat-pejabat JKR Negeri yang berkenaan telah memohon kebenaran khas daripada Kementerian Kewangan berhubung perkara di atas. Susulan daripada tindakan tersebut, Kementerian Kewangan berpandangan bahawa perkara ini sewajarnya dirujuk kepada Ibu Pejabat JKR untuk memastikan penyelarasan terhadap harga jualan dokumen tender.
- 2.4 Selaras dengan pandangan Kementerian Kewangan dan juga bagi menangani isu teguran audit naziran pada masa hadapan, surat arahan perlu dikeluarkan bagi menyeragamkan kaedah membundarkan harga jualan dokumen tender dan sebut harga.

3.0 ARAHAN PELAKSANAAN

- 3.1 Menurut 1PP/PK2.1, perenggan 8(iii)(e), kaedah pengiraan harga satu set dokumen tender untuk bekalan, perkhidmatan dan kerja adalah berdasarkan kadar semuka dokumen atau sesalinan lukisan/pelan tertakluk kepada bayaran minimum RM50 bagi satu set dokumen tender. Menurut perenggan 7(v) pula, Agensi tidak digalakkan menjual dokumen sebut harga. Walau bagaimanapun, sekiranya bayaran dikenakan bagi penjualan dokumen sebut harga, kadar harga adalah sama seperti yang ditetapkan bagi dokumen tender tertakluk kepada bayaran maksimum RM50 bagi satu set dokumen sebut harga.

Rujukan: JKR.KPKR: 121.010/05 Jld.6 (12)
Tarikh: 7 Disember 2016

- 3.2 Setelah menentukan harga dokumen tender dan sebut harga berdasarkan proses penetapan harga seperti di dalam 1PP/PK2.1, kaedah membundarkan harga jualan dokumen tender dan sebut harga hendaklah dibuat kepada **puluh yang terhampir**, tertakluk kepada nilai minimum dan maksimum yang ditetapkan oleh 1PP.

4.0 KUAT KUASA

Surat Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh ianya ditandatangani bagi semua dokumen perolehan dan Sebut Harga yang dipanggil pada atau selepas 1 Januari 2017.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'


(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)

Rujukan: JKR.KPKR: 121.010/05 Jld.6 (|1)

Tarikh:  Disember 2016

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Pengarah Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat